

UCAPAN DASAR MUKTAMAR PAS 2012

NEGARA BERKEBAJIKAN TERAS PERPADUAN

الحمد لله حمدا الحامدين , وحمدا الشاكرين , وحمدا يوافي نعمه ويكافي مزيده , يا ربنا لك الحمد كما ينبغي لجلال وجهك وعظيم سلطانك . أشهد أن لا إله إلا الله وحده لا شريك له , له الملك وله الحمد وهو على كل شيء قدير . وأشهد أن محمدا عبده ورسوله , البدر الدجى والسراج المنير . اللهم وصل وسلم وبارك على محمد أشرف الأنبياء والمرسلين , وعلى آله وصحبه أجمعين , ومن سار على نهجه إلى يوم الدين

1. Yang Dihormati Pengerusi Tetap, YAB Tuan Guru Dato' Mursyidul 'Am, Sohibil Fadhilah Dato' Timbalan Mursyidul 'Am, Ashab al-Fadhilah Ahli Majlis Syura Ulamak, Timbalan Presiden, Naib-Naib Presiden, Ketua-Ketua Dewan Ulamak, Pemuda dan Muslimat, Dato' Setiausaha Agung dan seluruh Ahli Jawatankuasa Harian, Ahli-ahli Jawatankuasa Kerja PAS Pusat, Pesuruhjaya-Pesuruhjaya PAS Negeri dan Wilayah Persekutuan, Ahli Jawatankuasa Kerja Dewan-Dewan, Ketua dan Ahli Jawatankuasa Dewan Himpunan Penyokong PAS, pimpinan dan rakan-rakan dari Pakatan Rakyat, NGO, pengamal media cetak dan elektronik, seluruh para perwakilan dan pemerhati, muslimin dan muslimat yang dikasihi sekalian.
2. Saya ucapkan selamat datang (أهلا وسهلا ومرحبا بكم) kepada semua para perwakilan dan tetamu yang datang dari seluruh pelusuk tanahair tercinta dan luar negeri. Saya juga mengalu-alukan kehadiran kali pertama ahli-ahli baru PAS ke muktamar ini, dari kalangan rakyat, artis dan karyawan, ahli sukan, tokoh akademik, mantan pegawai kanan kerajaan, tokoh korporat dan masyarakat, dan semua kalangan yang ingin bersama PAS membawa mesej Islam ke dalam negara kita ini. Sesungguhnya kehadiran tuan-puan sekalian, akan memeriahkan muktamar kita, menyuntik semangat dan merapatkan saf angkatan perjuangan menegakkan Islam yang menjadi rahmat Allah kepada seluruh alam, ketika seluruh dunia merayu kepada penyelamat, kerana dilambung gelombang krisis kemanusiaan dalam segala lapangan.
3. Negara kita juga tidak terkecuali dalam keadaan yang sama. Cukuplah rakyat menjadi saksinya, apabila UMNO yang menjadi tunjang Barisan Nasional, culas dalam melaksanakan amanah, tidak menepati janji – dengan jelasnya tidak menghormati perjanjian hasil petroleum di negeri-negeri sehingga tergamak

menindas majoriti rakyat beragama Islam di negeri Kelantan dan Terengganu khususnya, dengan menafikan hasil minyak yang dikurniakan oleh Allah SWT.

4. Pertumbuhan ekonomi negara pula dijana dengan bebanan hutang RM502 billion, iaitu menghampiri siling 55 peratus nisbahnya kepada Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) negara manakala defisit fiskal telah melepasi 15 tahun berturut-turut. Ini memberi makna, bahawa kerajaan UMNO-BN telah berbelanja besar dari pendapatan sejak sekian lama. Sedangkan, Bank Dunia telah mengiktiraf Malaysia sebagai sebuah negara antara yang paling kaya dari segi jumlah sumber per kapitanya. Inikah contoh perbelanjaan cemerlang kerajaan Barisan Nasional ? Inilah hakikat yang kita saksikan di depan mata kita sendiri pada hari ini. Semuanya ini dilakukan tanpa memikirkan kesannya kepada kesejahteraan hidup generasi yang akan datang.
5. Kita juga saban ketika dihadang dengan skandal yang sarat dengan berbagai penyelewengan. Terkini, Laporan Audit Negara 2011 membuat pendedahan Projek Rumah keluarga Angkatan Tentera, di mana bajet yang digunakan adalah hampir RM1.3 billion kerana menyimpang dari kos asal hasil dari perlbagai kelemahan, selain dari kelemahan sistem runding-terus yang juga mendapat kritikan dari Ketua Audit Negara.
6. Keseluruhan kuasa politik lebih 50 tahun ini telah disyaitani manusia yang menganggap dirinya maha suci daripada segala kesalahan dan kelemahan, jauh sekali dari keinsafan, walau pun terdedah dengan nyata kezaliman di sana-sini, pentadbiran yang bercelaru, sistem ekonomi tidak mensyukuri nikmat dan mengulagulkan rakyat tanpa penyelesaian masalah sebenar. Merebaknya penyelewengan, maksiat dan jenayah besar dan kecil tanpa undang-undang yang mendidik rakyat dan menakutkan penjenayah yang degil.
7. Ketika ini kita berada dalam lingkungan alam yang tetap berubah, walaupun di bawah kerajaan yang berselindung di sebalik tembok besi paling kebal dalam sejarah manusia, namun tetap akan menemui ajalnya mengikut pusingan alam dunia. Allah menjadikan kerajaan ini silih berganti untuk menguji kita, kita diajar bahawa tidak ada kerajaan yang kekal dan mutlak melainkan kerajaan Allah SWT.
8. Kita perlu meyedari bahawa politik adalah ujian terhadap manusia, sama ada menegakkan kerajaan yang diredhai Allah apabila menegakkan Islam yang adil terhadap semua atau mendapat kemurkaannya kerana memilih yang lain daripadanya. Dalam hal ini, PAS sangat komited untuk memacu perubahan ke arah mendapat keredhaan Allah SWT, menjadikan Islam sebagai asas perjuangannya, dengan keanjalan sistem Islam yang sesuai di sepanjang zaman dan tempat

dengan merujuk kepada al-Quran, Sunnah, Ijma' dan Qiyas berdasarkan aqidah *ahlus-Sunnah wal-jamaah*; serta berpandukan kepada *fiqhus-siyasah* dalam tindakannya.

9. Inilah yang menjadi teras perjuangan PAS, setelah kita melihat UMNO yang menjadi parti teras Barisan Nasional gagal untuk mendaulatkan Islam dan telah menunjukkan contoh yang tidak baik kepada rakyat keseluruhannya sehingga berulat dengan rasuah ribuan juta ringgit, dan terkini rasuah politik RM40 juta di Sabah, salah guna kuasa, ketidakadilan dalam masyarakat dan sebagainya. UMNO juga gagal memperkasakan orang Melayu dengan Islam yang sebenar, selain dari gagal menunjukkan contoh Islam yang sebenar kepada rakyat, dengan membiarkan orang Islam dalam negara ini dicabar dan diperkotak-katikkan dengan hujah yang biadap oleh pimpinan MCA yang menjadi sekutu rapat UMNO dalam Barisan Nasional.
10. Dalam masa yang sama, UMNO juga mempergunakan kalangan tertentu ulama sebagai terompah yang dipakai ke sana-sini, jauh sekali berbeza dengan PAS yang membawa konsep kepimpinan ulama dalam menentukan halal-haram tindakan dan dasar perjuangannya. Ahli-ahli PAS juga berbeza dengan UMNO-BN, dengan kita menjadikan *maqasid-siyasi* ini sebagai amanah untuk mendaulatkan syariat Islam, bukannya menjadikan peluang pemerintahan untuk berebut pangkat dan harta negara.

TEMA MUKTAMAR

11. Pada hari ini, PAS menyambung kerja dakwah – tarbiyah – siyasah, mengajak rakyat dengan bahasa yang mudah difahami oleh masyarakat. Muktamar yang lalu kita kemukakan tema: MEMBANGUN NEGARA BERKEBAJIKAN. Ramai kalangan lawan dan pemerhati tersalah anggap, sehingga membuat kenyataan terbuka, bahawa PAS sudah menyeleweng daripada matlamat perjuangan menegakkan Islam. Anggapan ini adalah kerana mereka tidak memahami bahasa al-Quran dan terpengaruh dengan bahasa asing “*welfare state*” yang menafsirkan kebajikan dengan makna yang sempit.
12. Maka bagi muktamar kali ke-58 ini, dikemukakan tema: **NEGARA BERKEBAJIKAN TERAS PERPADUAN**. Tema ini dikemukakan kerana perpaduan umat menjadi cabaran terkini diseluruh dunia, di negara masing-masing atau diperingkat antara negara dan bangsa. Perpaduan dalam negara kita pula tidak akan wujud dengan laungan 1Malaysia yang diselang-selikan dengan tiupan angin perkauman sempit dan tindakan yang menekan rakyat berbilang agama dan bangsa yang wujud dalam negara kita. Perpaduan dan rahmat inilah yang menjadi tujuan kepada Islam,

sebagai risalah akhir zaman oleh Rasulullah SAW yang berbeza dengan para rasul sebelumnya . Allah berfirman :

وَمَا أَرْسَلْنَاكَ إِلَّا رَحْمَةً لِّلْعَالَمِينَ ﴿١٧﴾ الْأَنْبِيَاءُ

Maksudnya : *Dan tiadalah Kami mengutuskan Engkau (Wahai Muhammad), melainkan untuk menjadi Rahmat bagi sekalian alam. (an-Nisa' : 107)*

13. Kebajikan adalah tajuk kepada ajaran Islam yang menyeluruh. Baca dan fahamilah firman Allah :

وَلْتَكُن مِّنكُمْ أُمَّةٌ يَدْعُونَ إِلَى الْخَيْرِ وَيَأْمُرُونَ بِالْمَعْرُوفِ وَيَنْهَوْنَ عَنِ الْمُنْكَرِ وَأُولَٰئِكَ هُمُ الْمُفْلِحُونَ

ال عمران . ﴿١٤﴾

Maksudnya : *Dan hendaklah ada di antara kamu satu puak yang menyeru (berdakwah) kepada الخير (kebajikan), dan menyuruh berbuat segala perkara yang makruf (baik), serta melarang daripada segala yang munkar (buruk dan keji). dan mereka yang bersifat demikian adalah orang-orang yang berjaya.*

14. Para ulama tafsir al-Quran menegaskan bahawa الخير (kebajikan) itu ialah seluruh ajaran Islam yang dibawa dan dilaksanakan oleh Rasulullah SAW dengan maksud Islam yang sempurna dan ajarannya yang menyeluruh. Ini dihuraikan secara terperinci oleh al-Quran dan Sunnah, di antaranya firman Allah :

فَمَنْ يَعْمَلْ مِثْقَالَ ذَرَّةٍ خَيْرًا يَرَهُ ﴿٢٤﴾ وَمَنْ يَعْمَلْ مِثْقَالَ ذَرَّةٍ شَرًّا يَرَهُ ﴿٢٥﴾ زلزلة

Maksudnya : *Maka sesiapa berbuat kebajikan seberat zarah (paling halus), nescaya akan dilihatnya (dalam surat amalnya)!. Dan sesiapa berbuat kejahatan seberat zarah (paling halus), nescaya akan dilihatnya (dalam surat amalnya)!*

15. Ini jelas menunjukkan bahawa setiap amalan manusia dikira dan dihisab, sama ada urusan ibadat atau urusan kehidupan dunia semata-mata, semuanya tetap berkait dengan hukum Islam. Seterusnya Rasulullah SAW menyenaraikan dengan sabdanya :

سبعة يظلهم الله في ظله يوم لا ظل إلا ظله: إمام عادل، وشاب نشأ في عبادة الله عز وجل، ورجل قلبه معلق بالمساجد. ورجلان تحابا في الله اجتمعا عليه، وتفرقا عليه، ورجل دعته امرأة ذات حسن وجمال،

فقال: إني أخاف الله، ورجلٌ تصدق بصدقَةٍ، فأخفاها حتى لا تعلم شماله ما تنفق يمينه، ورجلٌ ذكر الله خالياً ففاضت عيناه . (متفقٌ عليه).

(Ada tujuh jenis manusia, di mana Allah memayunginya pada hari Kiamat nanti, pada yang tidak ada perlindungan melainkan perlindungannya : Pemimpin yang adil, pemuda yang sentiasa beribadat kepada Tuhannya, orang yang hatinya sentiasa bergantung ke masjid, dua sahabat yang berkasih sayang kerana Allah, seorang yang bermoral sehingga diajak oleh wanita yang rupawan dan bangsawan melakukan maksiat, lalu dia menolak kerana takutkan Allah, seorang yang terlalu pemurah memberi sumbangan dan seorang yang berzikir ingatkan Allah di tempat sunyi sehingga berlinang matanya)

16. Kebajikan pertama ialah pemimpin yang adil yang disebut siyasah (politik) mentadbir urusan negara dengan Islam yang adil untuk semua. Maha Adil adalah sifat wajib bagi Allah dan termasuk di kalangan nama-nama Tuhan (*al-Asma al Husna*). Allah mewajibkan berlaku adil kepada hamba Nya dan mengharamkan kezaliman. Adil dalam pemerintahan negara tanpa mengira kawan dan lawan adalah kebajikan pertama, kerana besar cabarannya dan hebat perjuangannya, serta banyak kebajikannya. Seorang penyair Arab menegaskan :

أحسن إلى الناس تستعبد قلوبهم ... فطالما استعبد الإنسان إحسان
وإن أساء مسيء فليكن لك في ... عروض زلته صفح وغفران
(أبي الفتح البستي).

(Berbuat kebajikanlah terhadap manusia, nescaya engkau menundukkan hati-hati mereka. Maka seringkali manusia itu tunduk kepada kebajikan terhadapnya. Jika orang yang jahat melakukan sesuatu kejahatan terhadapmu, maka jadikan sifat yang baik menghilangkan kejahatannya ialah kemaafan dan keampunan)

17. Konsep adil dalam Islam adalah tawaran PAS kepada rakyat, kerana dengan keadilan Islamlah maka Islam bangkit mencapai kejayaan di zaman Islam berdaulat, mentadbir negara awal yang mengandungi masyarakat majmuk dan masyarakat madani. Risalah ini dinyatakan oleh Firman Allah :

﴿ إِنَّ اللَّهَ يَأْمُرُكُمْ أَنْ تُؤَدُّوا الْأَمَانَاتِ إِلَىٰ أَهْلِهَا وَإِذَا حَكَمْتُمْ بَيْنَ النَّاسِ أَنْ تَحْكُمُوا بِالْعَدْلِ ۚ إِنَّ اللَّهَ نِعِمَّا يَعِظُكُم بِهِ ۚ إِنَّ اللَّهَ كَانَ سَمِيعًا بَصِيرًا ﴾ النساء.

Maksudnya : Sesungguhnya Allah menyuruh kamu supaya menyerahkan segala jenis amanah kepada ahlinya (yang berhak menerimanya), dan apabila kamu

menjalankan hukum di antara manusia, (Allah menyuruh) kamu menghukum dengan adil. Sesungguhnya Allah dengan (suruhanNya) itu memberi pengajaran yang sebaik-baiknya kepada kamu. Sesungguhnya Allah sentiasa mendengar, lagi sentiasa melihat. (an-Nisa' : 58)

18. Hanya berkebakikan yang berkonsepkan adil untuk semua dapat menyatukan hati manusia majmuk, mewujudkan perpaduan tulen, kerana manusia itu adalah makhluk yang bernyawa, berperasaan dan berakal. Setiap manusia yang saksama akal dan perasaannya tetap menerima kebajikan yang berteraskan keadilan. Ketepikan manusia yang tamak haloba yang buruk sifat-sifatnya dan tidak berperikemanusiaan. Kita ingin memerintah dengan adil berdasarkan konsep kebajikan yang diterima secara sejagat tanpa paksaan menganut Islam. Saksikanlah bahawa perjuangan Rasulullah SAW pada awalnya didukung oleh penganut Islam dan juga turut disertai oleh kalangan bukan Islam yang menentang kezaliman.
19. Inilah dia seruan dan perjuangan kita dengan pujian Allah SWT kepada orang-orang yang beriman :

وَمَنْ أَحْسَنُ قَوْلًا مِّمَّنْ دَعَا إِلَى اللَّهِ وَعَمِلَ صَالِحًا وَقَالَ إِنَّنِي مِنَ الْمُسْلِمِينَ ﴿٣٦﴾ وَلَا تَسْتَوِ الْحَسَنَةُ وَلَا السَّيِّئَةُ ۚ ادْفَعْ بِالَّتِي هِيَ أَحْسَنُ فَإِذَا الَّذِي بَيْنَكَ وَبَيْنَهُ عَدَاوَةٌ كَأَنَّهُ وَلِيٌّ حَمِيمٌ ﴿٣٧﴾ وَمَا يُلْقَاهَا إِلَّا الَّذِينَ صَبَرُوا وَمَا يُلْقَاهَا إِلَّا ذُو حَظٍّ عَظِيمٍ ﴿٣٨﴾ وَإِمَّا يَنْزَغَنَّكَ مِنَ الشَّيْطَانِ نَزْغٌ فَاسْتَعِذْ بِاللَّهِ ۚ إِنَّهُ هُوَ السَّمِيعُ الْعَلِيمُ ﴿٣٩﴾ فصلت .

Maksudnya : Dan tidak ada yang lebih baik perkataannya daripada orang yang menyeru kepada (mengesakan dan mematuhi perintah) Allah, serta ia sendiri mengerjakan amal yang soleh, sambil berkata: "Sesungguhnya aku adalah dari orang-orang Islam (yang berserah bulat-bulat kepada Allah) !". Dan tidaklah sama (kesannya dan hukumnya) perbuatan yang baik dan perbuatan yang jahat. Tolaklah (kejahatan yang ditujukan kepadamu) dengan cara yang lebih baik. Apabila engkau berlaku demikian maka orang yang menaruh rasa permusuhan terhadapmu, dengan serta merta akan menjadi seolah-olah seorang sahabat karib. Dan sifat yang terpuji ini tidak dapat diterima dan diamalkan melainkan oleh orang-orang yang bersikap sabar, dan tidak juga dapat diterima dan diamalkan melainkan oleh orang yang mempunyai bahagian yang besar dari kebahagiaan dunia dan akhirat. Dan jika engkau dihasut oleh sesuatu hasutan dari syaitan, maka hendaklah engkau meminta perlindungan kepada Allah. Sesungguhnya Dia lah Yang Maha Mendengar, lagi Maha mengetahui. (al-Fusshilat : 33-36)

20. Maka parti syaitan dan yang dikuasai syaitan di dalamnya, tidak mampu menegakkan kebajikan yang bernama adil terhadap semua. Marilah kita menyahut seruan Allah dan melaksanakannya :

يٰۤاَيُّهَا الَّذِيْنَ ءَامَنُوْا كُوْنُوْا قَوَّٰمِيْنَ لِلّٰهِ شُهَدَآءَ بِالْقِسْطِ ۚ وَلَا يَجْرِمَنَّكُمْ شَنَاٰنُ قَوْمٍ عَلٰٓى اَلَّا تَعْدِلُوْٓا ۚ اَعْدِلُوْٓا هُوَ اَقْرَبُ لِلتَّقْوٰى ۚ وَاتَّقُوا اللّٰهَ ۚ اِنَّ اللّٰهَ خَبِيْرٌۢ بِمَا تَعْمَلُوْنَ ﴿٢٠﴾ المائدة

Maksudnya : *Wahai orang-orang yang beriman, hendaklah kamu semua sentiasa menjadi orang-orang yang menegakkan keadilan kerana Allah, lagi menerangkan kebenaran; dan jangan sekali-kali kebencian kamu terhadap sesuatu kaum itu mendorong kamu kepada tidak melakukan keadilan. Hendaklah kamu berlaku adil (kepada sesiapa jua) kerana sikap adil itu lebih hampir kepada taqwa. dan bertaqwalah kepada Allah, Sesungguhnya Allah Maha mengetahui dengan mendalam akan apa yang kamu lakukan.*

21. Dalam Negara Berkebakikan ini, semua pihak akan berlumba-lumba melakukan kebajikan, iaitu kebajikan kerajaan terhadap rakyatnya, manakala rakyat pula membantu kerajaan, maka mewujudkan hubungan saling mengerjakan kebajikan antara miskin-kaya, majikan-pekerja, dan sebagainya. Sifat adil yang dilaksanakan dalam Negara Berkebakikan ini adalah amal kebajikan yang membuahkan kasih sayang di kalangan manusia, sehingga merapatkan hubungan di antara pemimpin dan rakyat, serta menjalinkan hubungan baik di kalangan sesama rakyat, seterusnya menarik musuh kepada insaf sehingga menjadi kawan dan sahabat yang setia.
22. Dalam masa yang sama, seluruh pendukung dan ahli PAS mestilah menghayati dengan bersungguh-sungguh dasar yang dibawa dalam muktamar kali ini, dengan menjadikan syarat kebajikan dan amalan ikhlas kerana Allah sebagai paksinya, tidak hanyut dari berpegang kepada Islam yang menjadi matlamat perjuangan kita, menyusun strategi dan gerakerja secara tersusun, dan bersedia untuk berdepan dengan rakyat secara terbuka dalam membawa mesej kita ini.

PERUBAHAN GEO-POLITIK ANTARABANGSA

23. Negara-negara umat Islam di pentas antarabangsa kini sedang berdepan dengan arus perubahan yang sedang merobah peta politik dunia. Perkembangan 'kebangkitan rakyat kuasa rakyat' yang sedang melanda dunia umat Islam telah bermula di Tunisia, Maghribi, Mesir, Libya, Yaman, Syria hingga hampir seluruh benua Arab.

24. Tidak siapa dapat menjangkakan rakyat Tunisia berjaya menggulingkan rejim Zine El Abidine Ben Ali yang sejak berpuluh tahun menafikan hak serta suara kebebasan rakyatnya sendiri. Dan tidak siapa yang dapat menjangkakan rakyat Mesir berjaya menggulingkan rejim 'kuku besi' Hosni Mubarak dengan hanya bersenjatakan 'Kuasa Rakyat' yang turun secara sukarela berdemonstrasi di jalan-jalanraya di seluruh negara.
25. Perubahan politik ini semua adalah merupakan ketentuan dan pertolongan dari Allah SWT serta menjadi peringatan kepada mana-mana pemerintah yang sombong dan angkuh serta mahu terus menafikan hak dan kebebasan rakyat. Rakyat hanya mahukan kebebasan dan hak bersuara mereka dihormati dan bukannya mahukan kekayaan sepertimana dimiliki oleh pemerintah yang zalim ini.
26. Umat Islam juga sedang memasuki alaf baru dengan penuh ujian dan cabaran. Di era globalisasi ini, kedudukan umat Islam terus dihipit dengan pelbagai tekanan dan ujian yang begitu mencabar. Di mata dunia antarabangsa, maruah serta nyawa umat Islam bagaikan tiada apa-apa harga dan nilai. Lihat sahajalah apa yang terus berlaku di bumi Palestin, di Afghanistan, Iraq dan terkini di Syria, seolah-olah harga nyawa umat Islam lebih murah dari haiwan yang hina.
27. Konflik yang sedang berlaku di Syria amat menyentuh hati dan perasaan kita. Pertumpahan darah dan penderitaan penduduk awam Syria sehingga kini tidak menampakkan jalan penyelesaian. PAS ingin menegaskan sikapnya bahawa konflik di Syria tidak boleh sekali-kali diselesaikan dengan campurtangan kuasa luar terutamanya Amerika Syarikat dan sekutunya. Biarlah rakyat Syria sendiri yang menentukannya melalui suara rakyat tanpa sebarang campurtangan asing yang mempunyai kepentingan strategik. Semua pihak perlulah memberikan tekanan secara berterusan dan berkesan, supaya perubahan kepada demokrasi sebenar boleh berlaku dengan dicorakkan oleh rakyat mereka sendiri.
28. Saya menyeru seluruh masyarakat Malaysia tanpa mengira agama dan kaum serta seluruh masyarakat antarabangsa, agar menghulurkan bantuan kemanusiaan kepada ratusan ribu penduduk awam Syria yang menjadi mangsa tragedi berdarah ini.
29. Di bumi Palestin, serangan serta pencerobohan tentera Zionis ke atas bumi suci ini terus berlaku tanpa batasan. Mereka mencabul segala batasan undang-undang antarabangsa, melanggar hak asasi kemanusiaan serta melakukan satu jenayah perang yang amat besar. Mereka juga secara terancang dan terang-terangan melakukan

pencerobohan terhadap Masjid al-Aqsa dan terus mendirikan kawasan penempatan di tanah yang dicerobohi oleh kerajaan Zionis ini.

30. Apa yang lebih memalukan lagi adalah sebahagian besar dari pemimpin dunia Islam masih di kongkong dengan tekanan hegemoni Zionis. Badan-badan antarabangsa seperti Kesatuan Eropah (EU), dan Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu (PBB) kesemuanya membisu seribu bahasa terhadap jenayah perang yang dilakukan oleh tentera Zionis ini. Sekali lagi saya ingin merakamkan sokongan padu PAS terhadap intifadah yang di terajui oleh Harakah Muqawammah (Hamas) di bumi suci Palestin. Bagi PAS, isu bumi Palestin serta pembebasan Masjid Al-Aqsa yang merupakan Kiblat pertama umat Islam kekal menjadi agenda terpenting di peringkat antarabangsa.

PERKEMBANGAN DI RANTAU ASEAN

31. PAS juga amat tersentuh dengan apa yang berlaku ke atas saudara-saudara kita di Wilayah Rakhine, Myanmar. Kita ingin mengajak semua pihak agar menunjukkan rasa simpatinya terhadap bencana yang dialami oleh penduduk Islam Rohingya. Tindakan zalim yang dilakukan oleh rejim Myanmar terhadap umat islam Rohingya adalah di luar batas peri kemanusiaan dengan membunuh, membakar kediaman serta meroboh masjid yang merupakan suatu tindakan tidak bertamadun.
32. Dalam hal ini, PAS merasa sangat kesal dengan sikap berdiam diri yang ditunjukkan oleh kerajaan Malaysia pimpinan UMNO-BN yang gagal mengecam dan mengambil langkah drastik dalam membantu menyelesaikan isu ini. PAS juga merasa kecewa di atas sikap membisu pejuang demokrasi rakyat Myanmar, Aung Sang Su Kyi yang enggan menyatakan pendirian yang jelas untuk mengutuk kezaliman dan sikap tidak perikemanusiaan yang dihadapi oleh komuniti Rohingya.
33. Berikutan dengan perkembangan damai di Selatan Filipina, PAS mengucapkan tahniah di atas persetujuan damai awal di antara kumpulan pemisah Front Pembebasan Islam Moro (MILF) dengan kerajaan Filipina yang dicapai baru-baru ini. Ianya merupakan langkah awal ke arah mewujudkan keamanan wilayah autonomi dan boleh memberi manfaat kepada rakyat terbanyak di Mindanao. PAS berharap, perdamaian ini benar-benar terlaksana dan diambil kesempatan untuk mengisi perdamaian dengan membangunkan kembali wilayah yang telah lama bergolak itu.

34. Dalam masa yang sama, PAS juga mengucapkan tahniah kepada semua pihak yang terlibat dalam menjayakan persetujuan damai tersebut, termasuk juga dari kalangan pimpinan PAS sendiri yang tidak putus-putus terus memberi bantuan dan tunjuk ajar kepada kepimpinan Islam Moro sejak berpuluh-puluh tahun yang lalu melalui pengasas MILF al-Marhum Ustaz Slamet Hashim.
35. PAS juga, menyeru kepada kerajaan-kerajaan di rantau ini mengambil pedoman di atas kejayaan tersebut bagi mewujudkan perdamaian yang adil kepada rakyat di wilayah-wilayah yang bergolak seperti di Selatan Thailand dan Wilayah Rakhine, Myanmar. PAS ingin membuat seruan terbuka kepada kedua-dua negara jiran kita agar konflik ini di hentikan segera. Tiada penyelesaian kecuali kembali ke meja rundingan dan mencari jalan damai.
36. Sekali lagi saya ingin tegaskan bahawa PAS sentiasa bersedia untuk menjadi 'jambatan' bagi mencari jalan penyelesaian kepada konflik yang tidak berkesudahan ini sepertimana sumbangan dan penglibatan penting PAS dalam membantu menyelesaikan konflik antara Gerakan Aceh Merdeka (GAM) dengan pemerintah Indonesia dan juga dalam proses damai antara MILF dan kerajaan Filipina.

PAS : GERAKAN ISLAM PENYAMBUNG PERJUANGAN

37. Kita juga ingin mempertegaskan bahawa PAS adalah merupakan mata-rantai gerakan Islam yang wujud sejak sekian lama, untuk membawa mesej Islam dengan mempunyai komponen tarbiyah, dakwah dan politik. Kita wujud sebagai satu kesinambungan dari perjuangan menentang penjajah yang dipimpin oleh para ulama terdahulu seperti Sheikh Wan Ahmad Mohd Zain Fathani yang menubuhkan *Jami'atul Fathaniyah* pada tahun 1873 di Makkah, telah disambung oleh murid beliau seperti Raja Ali Kelana dan Syed Sheikh al-Hadi yang menubuhkan *Jami'atul Rusyidiyah* di Riau pada tahun 1880. Pengaruh Riau inilah mendorong penubuhan *Jami'atul Khairiyah* di Betawi pada 1904, sebelum ditubuhkan Sarekat Dagang Islam pada 1905 yang kemudiannya dikenali sebagai *Sarekat Islam* ketika dipimpin oleh Tjoakro aminoto pada 1912. Pengaruh *Sarekat Islam* sebagai sebuah pertubuhan politik Islam berkembang di Tanah Melayu semenjak tahun 1919 apabila cawangannya wujud di Singapura, Johor, Baserah - Pahang, Terengganu, Kelantan, Patani dan Pulau Pinang. Antara tokoh penting *Sarekat Islam* di Tanah Melayu ialah Tuan Guru Haji Abd Rahman Limbong yang memimpin pemberontakan ke atas British antara tahun 1924 hingga 1928; iaitu lebih awal dari pergerakan Ikhwan Muslimin yang diasaskan oleh As-Syahid Imam Hassan al-Banna pada tahun 1928 di Mesir.

38. Sepanjang tempoh itu, sehinggalah kewujudan PAS secara rasmi pada tahun 1951, kita telah mengalami pasang-surut pengalaman terlibat dalam sistem demokrasi pilihanraya. PAS menjadi gerakan Islam terawal yang berpeluang memerintah melalui sistem demokrasi seawal 1959, kerajaan campuran 1970-an, kerajaan Angkatan Perpaduan Ummah 1990 dan 1999, Pakatan Rakyat 2008, di mana sikap keterbukaan para ulama PAS lah yang membuka ruang PAS melaksanakan ijtihad Tahaluf Siyasi dalam arus politik tanahair kita sehingga membolehkan PAS berhubung dan bekerjasama dengan kalangan bukan Islam yang terdiri dari 40% rakyat di negara kita ini.
39. Hasilnya kita menjadi parti yang turut sama memerintah negara, menjadi pembangkang, ahli dan pimpinan diburu dan dipenjarakan, digulingkan kerajaan negeri Terengganu pada tahun 1961 dan Perak tahun 2010, membentuk kerajaan h dan turut menggubal undang-undang Islam di peringkat negeri, dan sebagainya yang mewarnai perjuangan PAS dalam suasana serta waqi' yang tentunya mempunyai *fiqh-aulawiyat* yang sangat berbeza dengan rakan-rakan di Asia Barat dan Turki.
40. Sifat anjal yang dimiliki oleh PAS membolehkan kita mengambil pengajaran yang baik dari kemenangan rakan-rakan kita di Asia Barat dalam tempoh setahun-dua ini, tetapi kita juga tidak boleh sekali-kali berundur dalam dasar dan tindakan kita yang telah berjaya melunakkan fikrah masyarakat di negara kita ini berbanding tahun-tahun yang lalu. Natiujahnya ialah, tidak salah untuk kita mengambil mana-mana pengajaran yang baik, tetapi hendaklah dilakukan dengan ilmu dan bukannya mengkagumi atau menjadi pengikut secara semberono tanpa melihat suasana masyarakat dan waqi' di tempat kita yang sudahpun jauh berubah berbanding dengan suasana di Asia Barat.
41. PAS tetap memilih **demokrasi menyertai pilihanraya** sebagai wasilah, dari dahulu hingga kini, walau pun berdepan dengan demokrasi tanpa moral yang menjadi senjata UMNO-BN yang memegang tampuk pemerintahan sekian lama di negara kita ini. Merekalah yang menafikan hak rakyat untuk menjadi hakim secara adil dan melakukan muhasabah kepada pimpinan kerajaan. Walau bagaimanapun, kita yakin bahawa rakyat boleh dibangkitkan dengan kesedaran membawa perubahan.
42. Dalam urusan politik, pintu ijtihad tidak boleh ditutup walau pun tidak ada lagi pemimpin setaraf para sahabat terdahulu dan tokoh ulama mujtahidin di zaman awal. Namun Ijtihad secara jama'ei tetap berlangsung, maka PAS mewujudkan Majlis Syura Ulama yang menjamin keteguhan kita di atas Dasar Islam, Aqidah, Syariat, Akhlak dan Nizam (Sistem), beristiqamah dengan undang-undang tubuh PAS. Sehingga kini alhamdulillah, PAS tidak pernah rugi dalam semua langkah

politiknya. Maka ahli-ahli PAS jangan sekali-kali terasing daripada Jamaah Islam ini. Dengarlah amaran Rasulullah S.A.W. :

إِنَّ الشَّيْطَانَ ذُنْبُ الْإِنْسَانِ كَذُنْبِ الْغَنَمِ يَأْخُذُ الشَّاةَ الْقَاصِيَةَ

(مسند أحمد - ج 45 / ص 13)

(Sesungguhnya syaitan itu laksana serigala terhadap manusia, seperti serigala yang menangkap kambing yang terpencil daripada kawanannya)

ILTIZAM POLITIK

43. Islam menentang kezaliman politik, kerana daripadanya dilahirkan segala kezaliman yang lain. Islam menentang semua kerajaan bersifat diktator secara individu, kumpulan (al-Mala'), bahkan Islam menolak kalangan pemimpin agama yang berselindung disebalik suruhan Tuhan atau pimpinan agama yang melaksanakan pemerintahan Teokrasi mengikut fahaman Barat sehingga bertindak zalim terhadap rakyat dan negaranya sendiri.
44. Kesemua para Anbiya' A.S. adalah membawa Islam beraqidah tauhid menentang syirik dengan makna yang luas, melawan syirik yang berkonsep pemujaan kepada mana-mana atau sesiapa dikalangan makhluk dalam urusan ibadat dan cara hidup, dengan konsep ad-Din yang tidak ada pemisahan politik daripada urusan beribadat kepada Allah. Maka Islam juga menentang pemujaan makhluk manusia yang memerintah dengan zalim dan membohokkan rakyat.
45. Perjuangan Rasulullah SAW menjadi sunnah Fiqh politik yang diamal oleh kerajaan Islam dan kumpulan Islam yang melangsungkannya disepanjang zaman, berasaskan hukum Islam yang adil terhadap semua. Ada kalangan yang masuk Islam dan ada kalangan yang hanya menerima kerajaannya yang berkonsepkan adil terhadap semua rakyat, sehingga kelahiran tamadun Islam yang unggul melibatkan masyarakat majmuk.
46. Politik Islam mewujudkan perpaduan masyarakat majmuk yang tidak mampu dilaksanakan oleh ajaran lain. Allah berfirman :

الَّذِينَ أُخْرِجُوا مِنْ دِيَارِهِمْ بِغَيْرِ حَقٍّ إِلَّا أَنْ يَقُولُوا رَبُّنَا اللَّهُ ۚ وَلَوْلَا دَفْعُ اللَّهِ النَّاسَ بَعْضَهُمْ بِبَعْضٍ هَدَمْتَ صَوَامِعُ وَبِيَعٌ وَصَلَوَاتٌ وَمَسَاجِدُ يُذْكَرُ فِيهَا اسْمُ اللَّهِ كَثِيرًا ۚ وَلَيَنْصُرَنَّ اللَّهُ مَنْ يَنْصُرُهُ ۗ إِنَّ اللَّهَ لَقَوِيٌّ عَزِيزٌ ﴿١٢٨﴾

Maksudnya : Mereka yang diusir dari kampung halamannya dengan tidak berdasarkan sebarang alasan yang benar, (mereka diusir) semata-mata kerana mereka berkata: "Tuhan kami ialah Allah". dan kalaulah Allah tidak mendorong setengah manusia menentang pencerobohan setengah yang lain, nescaya runtuhlah tempat-tempat pertapaan, serta gereja-gereja (kaum Nasrani), dan tempat-tempat sembahyang (kaum Yahudi), dan juga masjid-masjid (orang Islam) yang sentiasa disebut nama Allah banyak-banyak padanya dan sesungguhnya Allah akan menolong sesiapa yang menolong agamanya (agama Islam); Sesungguhnya Allah Maha Kuat, lagi Maha Kuasa.

47. Pendedahan sejarah sebelum tegaknya masyarakat dan negara sebelum Islam yang dibawa oleh Rasulullah S.A.W. menunjukkan mana-mana kaum dan penganut agama yang menang mesti menindas pihak yang lain dengan zalim dan ganas.
48. Islam yang memerintah di Madinah dan selepasnya memberi hak yang adil kepada masyarakat majmuk mewajibkan perpaduan di kalangan masyarakat penganut Islam dan masyarakat manusia seluruhnya. Piagam Madinah adalah satu perjanjian di antara kerajaan dan rakyat masyarakat majmuk yang bersejarah dan menjadi panduan kepada kerajaan Islam yang adil selepasnya.
49. PAS juga sudah bersedia untuk bersama memerintah negara Malaysia ini, bersama rakan Pakatan Rakyat, bagi memikul dan melaksanakan amanah. Maka PAS mengadakan Tahaluf Siyasi, dalam persefahaman Pakatan Rakyat yang menegakkan konsep dalam persamaan dan tidak memaksa dalam perbezaan. Secara bersama, permuafakatan Pakatan Rakyat telah mengisytiharkan resolusi :
 - 1) Islam Agama Persekutuan dan memberikan hak yang adil kepada agama-agama lain untuk diamalkan di Malaysia.
 - 2) Hak Istimewa Bumiputra dan melaksanakan hak yang adil kepada semua kaum.
 - 3) Bahasa Melayu sebagai Bahasa Kebangsaan dan menerima hak bahasa ibunda berbagai kaum.
 - 4) Kedudukan Raja berperlembagaan.
50. Iltizam politik menerusi Tahaluf Siyasi ini menuntut kita terus bekerjasama dengan rakan-rakan Pakatan Rakyat, secara kolektif dalam mengurus pentadbiran negeri dan negara. Dalam masa yang sama, setiap ahli PAS yang berada dalam lingkungan pentadbiran dan pemerintahan kerajaan ini juga perlulah memahami *fiqh-aulawiyat*, *maqasid syariah*, serta bertegas dalam perkara dasar selari dengan

Perlembagaan PAS itu sendiri. Tahaluf Siyasi ini juga tidak seharusnya mengaburkan kefahaman ahli PAS terhadap konsep *Fiqh at-Ta'at* terhadap parti kita sendiri.

PENDEKATAN EKONOMI

51. Dunia menyaksikan kejatuhan komunisme yang menolak agama semuanya, manakala ekonomi berdasarkan kebendaan semata-mata menjadi tuhan yang disembah. Manusia laksana alat jentera, jasad yang tidak ada roh, akal yang tidak berpanduan. Kini pula dunia sedang menyaksikan keruntuhan ideologi Liberal Kapitalisme yang juga bertuhankan kebendaan dan agama menjadi sampingan yang tidak bermaya, sehingga kebebasan ekonomi tanpa kawalan roh dan hati nurani tanpa perhitungan dosa dan pahala.
52. Suasana ini membarahkan politik menipu dan ekonomi berpusing kekayaan di kalangan kelompok tertentu, di kalangan ahli politik dan ahli ekonomi yang bersekongkol dengannya. Seterusnya ini melahirkan Firaun dan Haman yang menerima rasuah, serta kumpulan Qarun yang mengumpul kekayaan melalui konsep monopoli tamak haloba secara riba, rasuah dan berbagai salah laku.
53. Hakikat inilah yang kita lihat sedang berlangsung dalam negara kita ini. Negara kita yang kaya dengan hasil bumi ini, akan mufliis sekiranya terus berada di tangan kerajaan Barisan Nasional. Melaksanakan transformasi ekonomi ala Kerajaan BN untuk setanding dengan negara yang kaya di dunia Barat juga, bukanlah ukuran yang rakyat inginkan. Nilai ringgit yang ada pula makin menyusut, sehingga duit bertimbun yang dimiliki tidak memberi apa-apa makna lagi.
54. Perdana Menteri pernah berbangga dengan Malaysia memiliki 30 bilionaire yang berkongsi kekayaan sejumlah RM200 bilion. Namun PAS mahu mengingatkan, bahawa ada billionaire ini yang menanggung hutang korporat ke paras RM 22 bilion seorang semasa Krisis Kewangan 1997 dulu. Kini sudah pun di ketahui pasaran kewangan, bahawa antara 30 bilionaire ini, ada yang berhutang ke paras RM55 bilion dan RM 34 bilion setiap tokoh korporat, sekaligus mengulangi kesilapan lama.
55. Inilah yang cuba ingin kita perbetulkan, dengan mengambil langkah-langkah penting ini sekiranya kita diberikan amanah nanti. **Pertama** - membetulkan falsafah ekonomi sedia ada kepada yang lebih adil dan memakmurkan. Dalam hal ini, dasar fiskal mahupun monetari yang adil sifatnya, mesti digunakan sebaiknya untuk memacu pertumbuhan; **Kedua** – membetulkan pelaksanaannya dengan bersendikan akhlak dan perkiraan dosa-pahala, akauntabiliti yang holistik,

undang-undang yang mampu mencegah, dan seterusnya mencegah pembaziran, ketirisan, penyelewangan serta rasuah; **Ketiga** – membuat penilaian menyeluruh terhadap hasil negara, supaya pengurusan warisan khazanah negara ini dimanfaatkan dengan lebih telus dan adil untuk semua rakyat. **Keempat** – menolak diskriminasi, di mana dasar ekonomi dan sifat kebajikannya dilaksanakan tanpa mengira kaum, agama ataupun fahaman politik – negeri - wilayah; dengan merujuk kepada keadilan Islam yang sebenar. Ini sekaligus menolak amalan kronisme dan monopoli pasaran tempatan, dengan memperkenalkan akta-akta bagi mengikat kewujudan 'kartel' yang bertindak menekan rakyat.

56. PAS menegaskan bahawa tanggungjawab pemerintahan dan memakmurkan bumi ini adalah satu amanah yang mesti ditunaikan, bukan hanya untuk memenuhi tuntutan rakyat yang mengangkat sesebuah kerajaan, bahkan pada kekemuncaknya supaya kepimpinan negara bertanggungjawab kepada Allah SWT. Oleh yang demikian, mentadbir khazanah kekayaan negara dan mengurus kewangan secara bijak serta menjadikan pengurusan ekonomi dan membangunkan harta atau '*Hifzul Mal*', adalah termasuk dalam perkara-perkara penting yang mesti dipelihara dan dimajukan oleh sebuah Negara Berkeadilan.
57. Kedatangan Islam pula menyaksikan sejak awalnya pelaksanaan Islam memerintah negara, dilaksanakan dalam kegiatan ekonomi yang penting bagi seluruh manusia sejagat, bukan sahaja kepada penganut Islam. Dalam perkara ibadat wajib berbeza, dalam perkara muamalat wujudnya pergaulan yang adil di kalangan masyarakat majmuk.
58. Apabila konsep *Ihya al-Mawat* memiliki tanah pertanian dan kebebasan perdagangan tanpa belunggu yang zalim, diberi hak kepada seluruh kegiatan ekonomi rakyat termasuk kepada penganut bukan Islam dalam perkara yang dizinkan oleh agama mereka dan diharamkan oleh Islam, yang akhirnya menyebabkan rakyat tertindas berbagai kaum menerima pentadbiran Islam.
59. Konsep zakat adalah kebajikan pengumpulan hasil dan pengagihannya yang adil secara ibadat bagi penganut Islam sepanjang hidup, walau pun tanpa diurus oleh kerajaan tetapi zakat tetap diwajibkan ke atas penganut Islam dan tidak wajib bagi penganut bukan Islam. Seterusnya dipanjangkan dalam konsep mengendalikan sistem percukaian yang tidak berkait dengan ibadat kepada penganut bukan Islam, samada sumber asli atau percukaian ke atas kegiatan ekonomi rakyat. Ianya diambil daripada mereka yang berada, tidak membebaskan rakyat miskin dan menganggur. Mengagihkan harta untuk rakyat dengan konsep adil terhadap semua dan perbelanjaan urusan kerajaan yang tidak bakhil dan boros. Zakat wajib

dikekalkan kerana ibadat harta bagi penganut Islam. Ada pun cukai boleh dihapuskan apabila tidak memerlukan.

60. Dalam pengagihan sumber zakat, para ulama bersepakat diutamakan penduduk di daerah zakat diambil, maka begitulah juga konsepnya dalam sistem pengagihan sumber negara. Bermakna kerajaan pusat tidak boleh sewenang-wenangnya mengangkut hasil mana-mana wilayah, tanpa menilai sepenuhnya keperluan kesejahteraan hidup di wilayah berkenaan. Rasulullah S.A.W. bersabda :

الناس شركاء في ثلاثة , الماء والنار والكأ

[Manusia itu bersyarikat dalam tiga perkara (menjadi keperluan umum) iaitu air , api dan padang ragut]

61. Konsepnya ialah, keperluan umum hendaklah dikawal oleh kerajaan supaya tidak ada kalangan yang mengambil kesempatan bagi diri mereka dan kroni daripada perkara yang menjadi kepentingan umum. Maka keperluan umum sudah tentu berubah mengikut peredaran zaman, sehingga dipanjang dalam perkara-perkara yang lain seperti pendidikan, kesihatan dan segala kemudahan awam yang lain.
62. Bahkan di zaman negara Islam yang bertamadun berjaya diwujudkan penginapan dan khidmat percuma untuk para musafir yang dinamakan *Musafir Khanah*. Di sinilah maka cukai yang membebankan rakyat seperti tol boleh dihapuskan, pendidikan percuma dan rawatan percuma boleh dilaksanakan.
63. Bagi mengurang beban kos saraan hidup seharian ketua isi-rumah, pendekatan yang wajar adalah untuk meningkatkan 'pendapatan boleh berbelanja' dan bukan dengan pemberian 'one-off' secara bermusim. Mengurangkan kos utiliti seperti air dan elektrik, kesihatan, pelajaran, pengangkutan serta keperluan makanan asas jelasnya akan meningkatkan 'pendapatan boleh berbelanja' ketua isi-rumah serentak mengangkat kehidupan yang lebih bermakna dan tidak hanya bergantung kepada subsidi dan 'pemberian' one-off yang diamalkan oleh kerajaan UMNO-BN secara bermusim.
64. Kebajikan negara disumbangkan kepada seluruh rakyat tanpa mengira kaum, agama, maupun faktor kedudukan geografi wilayah jauh atau dekat; semuanya dinilai kepada tahap keperluan memenuhi kesejahteraan hidup rakyat terlebih dahulu. Natiujahnya menjalinkan hubungan yang baik di antara kerajaan dan rakyat, dan di kalangan rakyat majmuk. Keadaan yang berbeza dengan kerajaan sebelumnya samada di kalangan bangsa sendiri, atau penjajah yang menakluk. Maka kedatangan Islam diterima dengan rela hati oleh seluruh rakyat tempatan. Di sinilah menunjukkan kepada kita, betapa luasnya contoh jalan penyelesaian

yang diberikan oleh Islam apabila kita terbuka mendengar dan bersedia untuk melaksanakannya.

MEMBANGUN SEMULA SISTEM PENDIDIKAN

65. PAS berkewajipan memperkenalkan agenda pembangunan insan yang sebenarnya mengikut acuan Allah Pencipta manusia dan seluruh alam. Kegagalan sistem pendidikan menjadikan negara dan bangsa ketinggalan, lemah dan hina.
66. Pendidikan adalah pembangunan insan, mestilah mengikut acuan kejadian manusia yang ditetapkan Allah mengikut fitrahnya. Kemusnahan tamadun umat terdahulu yang hebat kerajaan dan bangunannya adalah kerana tidak membangun insan mengikut fitrahnya, sehingga tidak melaksanakan tugasnya dengan baik dan adil di bumi Allah, berlaku kezaliman bukan sahaja terhadap rakyat yang lemah ditindas, bahkan terhadap ilmu. Tokoh-tokoh ilmunan dihapuskan setelah mencapai kejayaan yang disumbangkan kepada negara dan bangsanya supaya tidak dipindahkan kepada pihak lain atau dianggap mencabar kedudukan pemimpin. Ada ahli falsafah yang dibunuh, arkitek yang dipotong tangannya. Keadaannya lebih melampau apabila menolak para Rasul yang dipilih oleh Allah dengan ilmu wahyu.
67. Tamadun bangsa – bangsa tersebut masih ada peninggalan sejarahnya yang boleh dilawati untuk diambil iktibar, bahawa pembangunan dengan ilmu sains dan teknologi tanpa hidayah kepada akal dan pembangunan rohani di dalam jasadnya berakhir dengan kemusnahan. Kini kita sedang menyaksikan tanda bermulanya kemusnahan tamadun barat yang menjadi senjata kezaliman terhadap diri manusia dan alam sekitarnya.
68. Inilah yang sedang kita lihat dalam Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2013 – 2025 yang dibentangkan oleh kerajaan BN. Visi sistem pendidikan yang dicadangkan itu gagal diberikan roh pegangan agama yang tulen kepada pelajar untuk berdepan dengan cabaran krisis akhlak di masa depan; sementara pihak kerajaan pula yakin menjadikan pencapaian akademik negara maju tertentu sebagai kayu pengukur maju atau tidaknya sistem pendidikan itu sendiri. Guru-guru pula berdepan dengan satu lagi eksperimen baru, yang terus memberi tekanan baru kepada bidang perguruan, akhirnya guru menjadi mesin yang bukan lagi melaksanakan peranan mendidik generasi akan datang. Selain dari itu, bidang pendidikan Islam terus berada di luar arus perdana, ditambah pula dengan

cadangan untuk kononnya memperkukuh Pendidikan Islam dan Moral dengan memberi lebih fokus ke atas “teras nilai” dan “falsafah agama utama” menjelang 2017 adalah satu kenyataan yang membawa masuk fahaman liberalisme dan mengeneipkan semangat agama Islam sebagai agama persekutuan.

69. Maka PAS berkewajipan membetulkan acuan pendidikan membangun insan. Mengembalikan semula dasar dan konsep pendidikan Islam, membangun insan merangkumi kewajipan dunia dan akhirat, dalam perkara fardu ‘ain dan fardu kifayah, bagi urusan dunia dan akhirat. Menegakkan kemerdekaan yang sebenarnya bagi rakyat, supaya bebas daripada pemikiran penjajahan yang masih ada sama ada kesan penjajah asing atau penjajah dalaman sendiri yang menghilangkan jati diri manusia yang berkemampuan dengan aqidah, akhlak dan kebijaksanaan ilmu.
70. Peranan bahasa kebangsaan yang menjadi jiwa bangsa wajib diperkasakan menjadi bahasa ilmu dan pentadbiran negara dan perpaduan rakyat, bersama bahasa ibunda kepada semua kaum dan menggalakkan pengajian bahasa asing bagi menimba ilmu yang bermanfaat daripada mana-mana sahaja, kerana sabda Rasulullah S.A.W. :

الحكمة ضالة المؤمن فأنى وجدها وهو أحق بها . (ابن ماجه).

(Kebijaksanaan itu laksana barang tercicir kepunyaan seorang yang beriman, maka di mana sahaja dia menemuinya, hendaklah dia memungutnya).

71. PAS dalam kerajaan Pakatan Rakyat wajib memastikan tidak ada kalangan rakyat yang tercicir daripada pendidikan, mengikut tahap kemampuan masing-masing, sekurang-kurangnya fardu ‘ain bagi setiap orang dan diperingkat fardu kifayah dalam urusan agama dan dunia sebanyak-banyaknya. Peruntukan kewangan pula wajib disediakan oleh kerajaan dengan secukup –ukupnya dalam kemudahan ini, sebagai melaksanakan tanggungjawab menyediakan pendidikan kepada rakyat.
72. Mengikut Islam, sesebuah kerajaan itu tidak rugi termasuk dari segi kewangan dengan memperkenalkan pendidikan percuma, bahkan memberi pulangan hasil negara yang meningkat dengan kewujudan rakyat yang dibina insannya dengan saksama dapat menambahkan hasil negara. Segalanya berlaku apabila rakyat berilmu, beriman dan budiman. Rakyat tidak menjadi bodoh yang tidak berguna atau pun cerdik menipu tidak boleh ditumpang.

KOMITMEN PAS UNTUK RAKYAT

73. PAS juga bersedia untuk menerima amanah sebagai komponen kerajaan Pusat atau pun negeri bersama dengan Pakatan Rakyat dalam pilihanraya yang akan datang ini. Kita percaya bahawa dengan sokongan rakyat dan keahlian PAS yang merangkumi berbagai bidang kepakaran, selain dari kalangan teknokrat yang boleh bekerjasama dengan kerajaan PAS dan Pakatan Rakyat, kita bersedia untuk menunaikan amanah yang lebih besar ini.
74. PAS percaya dan yakin bahawa peralihan kuasa dari BN ke Pakatan Rakyat akan berlaku dengan lancar dan aman sekiranya rakyat memberikan amanahnya kepada kita. Kepada rakyat keseluruhannya, jangan takut untuk berubah kepada yang lebih baik. Maka sekiranya kita gagal melaksanakan amanah itu, rakyat bolehlah menghukum kami dalam pilihanraya yang seterusnya
75. Komitmen besar PAS ini memberikan suatu jaminan bahawa jentera kerajaan Pusat atau Negeri yang terdiri dari pegawai berbagai peringkat ini tidak akan dizalimi atau dibalas dendam, kerana merekalah yang akan melaksanakan dasar kerajaan semasa yang dipilih oleh rakyat. Hubungan yang baik dengan institusi Raja berpelembagaan akan dipertahankan, sebagaimana komitmen bersama Pakatan Rakyat yang kita ikrarkan.
76. Sekiranya diberikan amanah ini, maka PAS juga akan mengusulkan supaya dimansuhkan akta-akta yang zalim, mengembalikan kewibawaan institusi penting dalam negara seperti Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM), Suruhanjaya Pilihan Raya (SPR), instituti pendakwaan dan kehakiman, Parlimen Malaysia, pasukan Polis DiRaja Malaysia (PDRM) dan sebagainya. Perjalanan pilihanraya yang lebih adil dan bebas akan terus diperjuangkan oleh PAS, walaupun setelah kita sampai ke Putrajaya nanti kerana inilah ciri sebuah negara demokrasi yang sihat.
77. Kepada rakyat berbagai kaum dan etnik di Sabah dan Sarawak pula, marilah kita sama-sama bangunkan negara Malaysia ini secara bersama bergandingan tenaga dengan penuh adil dan saksama. Hak rakyat peribumi Sabah dan Sarawak yang dijanjikan akan dilaksanakan, selain dari komitmen bersama Pakatan Rakyat menerusi deklarasi penting semasa kita menyambut ulangtahun Hari Malaysia pada 16 September yang lalu. Hasil kekayaan bumi royalti minyak sebanyak 20 peratus akan dipulangkan kepada rakyat Sabah dan Sarawak.
78. Selain dari melaksanakan tekad kita bersama Pakatan Rakyat sebagaimana yang sama-sama kita rangkakan dalam Buku Jingga, PAS juga ingin melebarkan

komitmen untuk memperbaiki kerosakan yang ada dalam negara kita sekiranya diberi ruang untuk ke Putrajaya, selain dari iltizam untuk sama-sama membangunkan negara kita ke arah yang lebih baik menerusi **MANIFESTO** khusus yang akan dibentangkan kepada rakyat bila tiba masanya yang sesuai nanti.

79. Antara intipati terpenting komitmen PAS ialah, untuk memartabatkan Islam sebagaimana yang termaktub dalam Perlembagaan Persekutuan, mengiktiraf dan mengupayakan peranan generasi muda, meningkatkan dan mengiktiraf peranan wanita, membela dan memajukan golongan petani, meningkatkan kebolehcapaian perkhidmatan kesihatan tanpa membebankan rakyat, agenda khas ekonomi dan pengurusan kewangan, memperkenalkan keadilan sistem pendidikan, memperkenalkan seni-budaya yang memartabatkan nilai hidup insan, dan sebagainya.
80. Selain dari komitmen yang dinyatakan tadi, PAS juga berkongsi nasib yang menimpa peneroka luar bandar yang ada di waktu ini. Peneroka luar bandar khususnya berbangsa Melayu yang terdiri daripada 112 ribu peneroka dan lebih 1 juta warga FELDA terdiri daripada peneroka, keluarga dan kakitangan FELDA. Sebarang tindakan yang dilakukan terhadap FELDA akan memberi kesan yang besar kepada kelompok mega rakyat Malaysia ini.
81. Kita sama-sama lihat, bahawa sejurus selepas FELDA di senaraikan di Bursa Malaysia melalui anak syarikatnya FELDA Global Ventures (FGV), ia menjadi satu detik hitam kepada warga FELDA keseluruhannya. Aset FELDA yang berupa tanah, ladang dan pelbagai aset lain yang menjadi hak milik bersama warga FELDA, kini sudah dibuka kepada milikan bebas termasuk syarikat-syarikat asing atas nama penyenaraian. Maka berteraskan amanah membela rakyat, PAS menyatakan komitmen berterusan untuk menyelamatkan tanah dan seluruh aset FELDA ini dan diagihkan kekayaan tersebut kembali kepada rakyat sekiranya diberi mandat membentuk kerajaan nanti.
82. Baru-baru ini juga, pihak kerajaan telah melaksanakan Sistem Penguatkuasaan Automatik – AES yang telah mula dikuatkuasakan pada 23 September 2012 yang lalu. Membantah pelaksanaan AES tidak bermaksud kita bersetuju pengguna jalanraya memandu sewenang-wenang tanpa mengendahkan undang-undang dan peraturan jalanraya.
83. PAS di bawah Jawatankuasa Kempen Anti Saman Ekor [KASE], telah membantah pelaksanaan AES ini kerana terlalu banyak kekeliruan dan kecelaruan yang timbul dalam pelaksanaannya. Antaranya lokasi pemasangan kamera AES di tempat-tempat yang tidak sesuai dan tidak munasabah. Cara penguatkuasaannya pula melibatkan syarikat-syarikat swasta yang akan

mendapat imbuhan hasil berniaga menerusi pembayaran saman-saman oleh pesalah lalulintas.

84. Alasan bahawa kelajuan adalah penyumbang utama kemalangan tidak boleh diterima dengan mudah dan sewenang-wenangnya. Benar, kelajuan adalah antara punca kemalangan tetapi bukan punca utama. Pengarah Jabatan Keselamatan Jalan Raya Malaysia pernah menyebut bahawa 85.74% punca kemalangan adalah disebabkan faktor manusia, 10.62% disebabkan keadaan persekitaran manakala 3.64% lagi adalah faktor kenderaan. Faktor manusia inilah yang memerlukan pendidikan dan pendekatan yang lebih holistik bukan dengan memasang kamera-kamera untuk menyaman sebagai satu bentuk perniagaan.
85. PAS juga mengulangi komitmen untuk menilai kembali projek-projek mega yang sepatutnya memberikan pulangan ekonomi kepada negara tanpa membebankan rakyat dan alam sekitar. Projek-projek seperti Kilang Penapisan dan Petrokimia di Pengerang, Johor; sepatutnya dilaksanakan tanpa melibatkan pemindahan 25,000 penduduk yang menghuni selama puluhan tahun di 10 buah kampung tradisi, melibatkan pemindahan lebih dari 10 buah sekolah, masjid dan sebagainya. Kita tidak menolak projek ekonomi seperti ini, tetapi PAS menolak kezaliman di atas nama pengambil alihan tanah secara tidak adil, pemusnahan ekologi kawasan perikanan, yang seterusnya menjejaskan mata pencarian hidup rakyat sendiri.
86. PAS juga mengiktiraf peranan golongan perajurit yang banyak berkorban untuk negara. Kita akan memperjuangkan supaya Yayasan dan Koperasi Persatuan bekas-bekas Tentera seluruh Malaysia, Lembaga Tabung Angkatan Tentera, Syarikat Perumahan Angkatan Tentera (SPAT) untuk diberi tenaga baru serta diperluaskan fungsinya, dalam usaha membangunkan ekonomi tentera dan veteran. Semuanya ini adalah untuk memastikan bantuan kebajikan berterusan kepada tentera dan veteran sekeluarga terus terpelihara, selain dari komitmen untuk memberikan bantuan pendidikan sepanjang hayat kepada tentera, balu tentera dan tanggungan mereka.

PILIHANRAYA

87. Dikesempatan ini juga, PAS ingin merakamkan ucapan terimakasih yang tidak terhingga kepada seluruh rakyat di Kelantan, Kedah, Pulau Pinang, Selangor dan Perak yang telah memberikan amanah kepada kita secara bersama dalam muafakat Pakatan Rakyat, dan pegawai-pegawai dalam pentadbiran kerajaan negeri yang telah bekerjasama memahami perlunya terus bertugas dengan amanah

dengan kerajaan semasa iaitu kerajaan Pakatan Rakyat, dengan matlamat untuk membawa perubahan yang lebih baik dari kerajaan yang terdahulu.

88. Kita menyedari bahawa sekarang ini kita berada diujung tempoh pemerintahan di negeri-negeri yang kita menangi menerusi pilihanraya umum ke 12 yang lalu, sebelum ianya diserahkan kepada rakyat untuk menjadi hakim sekali lagi dalam PRU-13 nanti. Tentunya tugas terpenting untuk kita ialah, mempertahankan negeri-negeri yang kita menangi dengan seluruh gerakerja dan tenaga yang kita miliki dengan penuh keazaman untuk melebarkan kemenangan sehingga sampai ke Putrajaya, insyaAllah.
89. Kita juga menyedari bahawa sudah tentunya tempoh hampir lima tahun ini tidak mencukupi untuk kita lakukan perubahan yang besar yang kita citakan di negeri yang kita perintah, kerana dalam masa yang sama kita berdepan dengan konsep federalisma songsang yang memberikan kuasa negeri yang terhad, campurtangan dan tekanan secara tidak adil oleh kerajaan pusat terhadap pemerintahan kita, tidak sempatnya kita menukar sistem pentadbiran menyusahkan rakyat yang berakar umbi dari peninggalan kerajaan BN sejak sekian lama, selain dari beberapa kelemahan kita sendiri yang perlu dibaiki secara berterusan dengan seni menyelesaikan masalah secara penuh hikmah.
90. Kerja-kerja asas pilihanraya yang ada hendaklah diteruskan tanpa henti, manakala pengarah gerakerja khusus menjelang pilihanraya ini akan diberikan oleh jentera Jabatan Pilihanraya PAS Pusat dan Jabatan Pilihanraya Negeri, Dewan Ulama – Muslimat – Pemuda, dan Lajnah masing-masing yang menyumbang kepada keseluruhan tugas pilihanraya ini tanpa perlu saya perincikan strateginya dalam muktamar pada hari ini. Patuhlah kepada arahan-arahan ini tanpa rasa ragu dan lemah.
91. Ingatlah, bahawa ungkapan menuju ke Putrajaya yang saban waktu kita laungkan; melalui program Himpunan Hijau ke Putrajaya, Program PAS ganti UMNO, Himpunan Kebangkitan Rakyat; semuanya adalah berpijak di atas kenyataan keazaman kita untuk membawa rakyat sama-sama melakukan perubahan. Ianya bukanlah suatu mimpi, tetapi turut berada dalam jangkauan hasil dari muafakat bersama dalam Pakatan Rakyat.
92. Di saat ini sehinggalah kita berdepan dengan PRU ke-13 nanti, seluruh negara akan berdepan dengan taufan wang yang akan masuk ke setiap buah rumah dan jiwa manusia yang ada di tanahair kita ini. PAS akan berdepan dengan ujian getir rakyat yang dipujuk dengan wang, projek dan sebagainya, selain dari berbagai cara penipuan yang menjadi senjata utama lawan kita.

93. Maka kita perlu menyatakan komitmen untuk melakukan tindakan-tindakan tertentu dalam menghadapi PRU-13 ini. **Tindakan Pertama** : Petugas PAS perlu banyak bersabar dan kekal bersiap sedia walaupun terganggu oleh strategi BN melambatkan PRU, sebab penundaan tarikh-tarikh PRU adalah sememangnya strategi BN untuk menurunkan moral serta melemahkan kedudukan kewangan kita, selain dari mereka juga cuba memancing isu yang akan memerangkap kita. Sepanjang tempoh ini jugalah, kita akan berdepan dengan tiupan api perkauman dan ketegangan oleh media arus perdana yang menjadi perkakas dalam mempertahankan kerakusan kerajaan UMNO-BN. Teguhlah dengan jamaah, nescaya kita akan terus selamat dan mampu menghadapi dengan cabaran ini.
94. **Tindakan Kedua** : Petugas PAS hendaklah banyak membuat persediaan menjaga benteng masing-masing (Parlimen atau DUN) menghadapi musuh yang amat licik. Marilah kita meneliti Firman Allah SWT :

يَا أَيُّهَا الَّذِينَ آمَنُوا اصْبِرُوا وَصَابِرُوا وَرَابِطُوا وَاتَّقُوا اللَّهَ لَعَلَّكُمْ تُفْلِحُونَ

Maksudnya : *Hai orang-orang yang beriman, bersabarlah kamu dan kuatkanlah kesabaranmu dan tetaplah bersiap siaga (di perbatasan negerimu) dan bertakwalah kepada Allah supaya kamu beruntung.* (Surah al-Imran : 200)

95. **Tindakan Ketiga** : Petugas PAS hendaklah bersedia menangani kedatangan orang-orang Melayu khususnya golongan muda yang sudah berubah tetapi tidak menzahirkan sokongan kerana menghormati ibubapa mereka yang masih menyokong UMNO. Sikap orang muda sekarang amat berbeza dengan generasi terdahulu. Fahamilah, bahawa mereka tidak suka ceramah yang mencaci-cela orang, mereka menyokong PAS tetapi tidak mahu menjadi ahli, mereka mahukan pimpinan PAS memperincikan agenda-agenda yang dijanji dan bukan sekadar retorik, mereka cepat cakna perkembangan semasa kerana sentiasa berkomunikasi antara satu sama lain menerusi facebook, blog, sms dan lain-lain.
96. **Tindakan Keempat** : PAS juga hendaklah memenangi sebanyak mungkin kerusi yang diamanahkan kepada PAS dengan keutamaan ialah mempertahankan semua kerusi Parlimen yang telah dimenangi PRU2008 (24 kerusi), kerusi parlimen yang lain akan diberikan suntikan kerja yang tersusun dengan disokong oleh pimpinan pusat yang diamanahkan tugas tumpuan ini, semua parlimen yg ditandingi PAS di Sabah dan Sarawak akan juga diberi tumpuan khusus bagi menjamin kemenangan bersama.

97. Sehubungan dengan itu, media parti seperti Harakah dan Harakahdaily, bersama dengan Jentera Penerangan parti hendaklah bertindak membentuk fikrah dan menyampaikan maklumat berdasarkan acuan parti yang telah distrategikan. Tempoh yang ada ini wajar dimanfaatkan sepenuhnya untuk menyampaikan maklumat pencapaian pemerintahan kerajaan kita kepada ahli-ahli kita, yang kemudiannya akan menyampaikannya kepada rakyat yang menjadi pengundi senyap dalam pilihanraya. Konsep mendahulukan kebijaksanaan daripada kemusnahan atau kemarahan hendaklah diutamakan.
98. Pilihanraya umum ke-13 ini juga adalah merupakan pilihanraya yang melibatkan perang siber. Persiapannya bukan lagi seperti pilihanraya yang pernah kita lalui sebelum sebelum ini. Mahu tidak mahu, suka tidak suka, petugas-petugas kita disemua peringkat mesti melakukan reformasi cara bekerja dengan menguasai teknologi maklumat dan komunikasi (ICT) terutamanya dalam menghadapi fenomena perang siber menerusi media baru ICT sekarang ini.
99. Kerjasama penerangan dan ICT perlu diperkukuhkan segera untuk menghadapi PRU-13 ini dengan mewujudkan satu urusetia berkaitan Media Baru sebagaimana yang diresolusikan dalam Persidangan ICT dan Media Baru 2011 pada tahun lepas. Saya menyeru kepada semua pimpinan PAS terutamanya yang terlibat dengan Lajnah Penerangan dan Jabatan Pilihanraya disemua peringkat melihat potensi ICT dan Media Baru ini dimanfaatkan sepenuhnya untuk tujuan kempen dan dakwah melalui laman sesawang, youtube, facebook, twitter, webtv, selain dari ceramah dan bahan-bahan media cetak.

ARAHAN KEPADA AHLI DAN PIMPINAN PAS

Marilah dengan fikiran yang terbuka, penuh keazaman, berbekalkan keimanan kepada Allah dan janjinya dunia-akhirat, keyakinan kita kepada perjuangan kita ini, maka saya ingin membuat pengarahan berikut kepada semua perwakilan yang ada pada hari ini :

1. Saya mengarahkan kepada semua petugas, ahli dan pimpinan PAS untuk sentiasa menggenggam matlamat perjuangan untuk Islam, memurnikan fikrah perjuangan, tidak leka, tidak melaksanakan perkara yang merugikan perjuangan, seterusnya tidak mencelarkan fikrah dengan urusan yang tidak penting.
2. Saya mengarahkan agar semua jentera parti : dewan - dewan, lajnah, negeri untuk menumpukan perhatian kepada kerja pilihanraya, dengan ikrar untuk mempertahankan negeri yang ditadbir menerusi muafakat Pakatan Rakyat, dan seterusnya melebarkan ke negeri lain, hinggalah ke pemerintahan Pusat.

3. Saya menyeru kepada semua Kerajaan negeri di bawah PAS bersama Pakatan Rakyat - menggunakan masa yang tinggal ini untuk menyelesaikan urusan rakyat, teruskan kerja kebajikan; tanpa meninggalkan gerakerja parti hingga ke peringkat bawah dalam masyarakat.
4. Saya mengarahkan kepada semua pihak dalam parti, supaya berada di tahap bersiap-siaga yang paling tinggi untuk menghadapi Pilihanraya umum ke-13 – di mana kita akan berdepan dengan mainan nakal serta provokasi media dan BN yang terus menerus melaga-lagakan pimpinan PAS ke tahap yang tidak dapat kita bayangkan, akan terus memporak-perandakan PAS dengan rakan-rakan Pakatan Rakyat sebagai langkah untuk melemahkan saf dan semangat kita. Jangan mundur, jangan terkeliru. Dengarlah panduan dan kenyataan rasmi yang diberikan oleh pimpinan tertinggi dari masa ke semasa. Semua pihak dalam parti perlulah mengelakkan diri dari melakukan kesilapan yang meremehkan kita di hadapan rakyat.
5. Saya mengarahkan kepada semua pihak dalam parti supaya melaksanakan tugas pilihanraya masing-masing dengan penuh hikmah, mengajak rakyat untuk berubah - bukan memusuhi rakyat, bertemu, bercakap dan menulislah dengan bahasa yang difahami oleh mereka, semuanya dengan penuh keikhlasan untuk mendapat keredhaan Allah SWT.
6. Saya mengarahkan kepada semua saf kepimpinan dan ahli, marilah sama-sama kita mengeratkan ukhuwwah sesama kita, dan terus memperkukuhkan hubungan *hablun minallah* semua petugas dan ahli PAS sebagai senjata yang akan menguatkan semangat berjuang, tidak mundur, dan memohon pertolongan dari Allah SWT serta bertawakkal kepada Nya. Suasana menghadapi pilihanraya janganlah menjadi penghalang kepada memperbanyakkan amal ibadat, solat, puasa sunat, bermunajat yang akan menjadi benteng dalam perjuangan kita ini kerana kemenangan Islam adalah kurniaan Allah SWT.
7. Marilah pada hari ini, kita sama-sama memahami tema muktamar kali ini, serta menyusun gerakerja dan strateginya nanti dalam semangat tema muktamar NEGARA BERKEBAJIKAN TERAS PERPADUAN.

PENUTUP

Akhirnya, dikesempatan ini bagi pihak muktamirin sekalian, saya mengucapkan terima kasih yang tidak terhingga kepada YAB Menteri Besar Kelantan dan Kerajaan Negeri Kelantan, seluruh saf kepimpinan Badan Perhubungan PAS Kelantan, PAS Kawasan Pengkalan Chepa, Panitia Induk Muktamar, Jabatan Amal, dan semua petugas yang terlibat, serta semua pihak yang menjayakan Muktamar ke-58 ini. Mudah-mudahan segala amal ini mendapat ganjaran pahala di sisi Allah SWT.

Seterusnya, saya **RASMIKAN** Muktamar Agung PAS kali ke-58 ini dengan menyebut

بسم الله الرحمن الرحيم

dan sabda Rasulullah SAW :

سيروا على بركة الله

الله أكبر والله الحمد